

Pavilion REIT manfaatkan pembukaan semula China, pelancong

bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/04/1089515/pavilion-reit-manfaatkan-pembukaan-semula-china-pelancong

Alzahrin Alias

April 13, 2023

Oleh [Alzahrin Alias](#) - April 13, 2023 @ 2:57pm
zahrin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Rakuten Trade menjangkakan pendapatan boleh agih Pavilion Real Estate Investment Trust (REIT) meningkat semula dengan kukuh tahun ini.

Firma pembrokeran saham itu berkata, unjuran itu adalah berdasarkan pembukaan semula sempadan dan ekonomi China serta kemasukan semula pelancong asing ke Malaysia.

"Selain itu, pengambilalihan Pavilion Bukit Jalil (PBJ) turut akan memberi sumbangan positif kepada pengagihan pendapatan Pavilion REIT pada tahun kewangan 2023 dan akan lebih ketara pada 2024," katanya dalam nota penyelidikan.

Rakuten Trade mengunjurkan pendapatan boleh agih Pavilion REIT adalah sebanyak RM302.8 juta pada dan RM378.4 juta tahun depan.

Pavilion Mall Kuala Lumpur akan menjadi penyumbang terbesar kepada Pavilion REIT, yang mempunyai kawasan boleh disewa bersih (NLA) sebanyak 1.35 juta kaki persegi, sekali gus menyumbang masing-masing sebanyak 67 peratus dan 87 peratus daripada hasil dan pendapatan harta bersih (NPI).

"Kadar penghunian Pavilion Mall secara beransur-ansur meningkat kepada 92 peratus dalam laporan suku tahunan terkini.

"Kami menjangkakan penghunian akan mencapai tahap prapandemik pada 98 hingga 99 peratus menjelang separuh kedua 2023 disokong oleh kepulangan pelancong asing, khususnya dari China," katanya.

Pada November 2022, Pavilion REIT mengumumkan untuk mengambil alih PBJ daripada Regal Path pada harga RM2.2 bilion.

Pavilion REIT akan membiayai pengambilalihan itu pinjaman bank dan terbitan 1.27 bilion unit baharu dalam dua penempatan persendirian dengan 'tranche' pertama sebanyak RM720 juta dan 'tranche' kedua sebanyak RM550 juta.

PBJ adalah pusat beli-belah runcit lima tingkat sub-bandar dengan dua tingkat letak kereta bawah tanah, keseluruhannya mempunyai NLA seluas 1.76 juta kaki persegi.

